

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KOMUNIKASI DAKWAH EFEKTIF
BADIUZZAMAN SAID NURSI
MELALUI PRAKTIS PERSUASIF DI
MALAYSIA**

MUAZ BIN MOHD NOOR

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Ijazah Kedoktoran
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

APRIL 2024

ABSTRACT

One of the noteworthy deficiencies in contemporary da'wah lies in the insufficient mastery and comprehension of effective communication approaches when disseminating Islamic teachings. This shortcoming is often compounded by a lack of proficiency in persuasive communication. Consequently, this study aims to scrutinize the communication approach employed by Badiuzzaman Said Nursi in propagating Islamic da'wah through persuasive practices. Additionally, it seeks to analyze the persuasive practices adopted by preachers in Malaysia. To ascertain this subject comprehensively, the author employed a library research method with a phenomenological design. Through an analysis of key texts from the *Rasā'il an-Nūr* book collection (considered primary sources) and other pertinent secondary sources, the author elucidated Badiuzzaman Said Nursi's effective da'wah communication approach. Furthermore, qualitative data gathered from interviews with 13 informants well-versed in *Rasā'il an-Nūr* were descriptively analyzed using thematic analysis. The examination of interview transcripts yielded 162 codes, 40 categories, 12 sub-themes, and 6 themes, facilitated by ATLAS.ti software version 9. The findings highlighted the efficacy of Said Nursi's communication approach, emphasizing its considerable impact on diverse segments of society. His approach encompassed both written and verbal communication, as well as non-verbal practices, all meticulously implemented. Moreover, preachers in Malaysia were found to generally employ six persuasive approaches akin to those practiced by Said Nursi, namely reciprocity, commitment & consistency, authority, scarcity, social proof, and liking. The research concludes that Badiuzzaman Said Nursi's da'wah communication approach, with its emphasis on persuasive practices, continues to yield positive outcomes, contributing to the well-being and advancement of Muslim communities.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, penulis akhirnya dapat menyiapkan tesis ini walaupun berdepan pelbagai rintangan dan cabaran. Tidak lupa juga selawat serta salam buat junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, rasul sekalian alam. *Allahumma solli 'alā Muhammad, wa 'alā 'alīhi Muhammad.*

Jutaan terima kasih dan penghargaan penulis hulurkan buat yang dihormati lagi dikasihi Profesor Dr. S. Salahudin Suyurno selaku penyelia utama penulis, dan Dr. Faridah Mohd Sairi, penyelia kedua penulis, yang sudi menyelia penulis sehingga tesis ini siap sepenuhnya. Penulis begitu terharu dan terhutang budi. Semoga Allah SWT membalas jasa baik mereka berdua, seterusnya beroleh ganjaran yang besar di sisi-Nya. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan pensyarah dan staf di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM cawangan Melaka khususnya, dan Universiti Teknologi MARA umumnya, atas tunjuk ajar, bimbingan dan kritikan membina terhadap penulis sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat ayahanda penulis, Hj. Mohd Noor Ismail serta bonda, di atas segala pengorbanan, sokongan, harapan dan doa yang telah dicurahkan kepada penulis selama ini. Tanpa mereka berdua, pastinya tesis penulis ini tidak akan sempurna sebagaimana yang dirancang. Begitu juga kepada adik beradik penulis, Siti Hajar sekeluarga, dan Siti Salwa sekeluarga, Siti Balqis sekeluarga, Mohd Khomaini sekeluarga, Mohd Firdaus, dan Ahmad Salman di atas segala kata-kata semangat, dorongan dan sokongan. Semoga Allah SWT merahmati dan membalas jasa kalian.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada isteri penulis yang tersayang, Dg. Azzatun Nashikin Binti Ajamain yang banyak memberi sokongan moral dan spiritual yang tidak putus-putus sepanjang proses penulisan ini. Semoga ia menjadi asbab kebahagiaan kita di dunia dan akhirat. Begitu juga kepada ibu dan ayah mertua di Sabah (Ajamain Mohidi dan Jemaya Wasiman), adik beradik ipar, serta tidak dilupakan anakanda-anakanda yang dikasihi penulis, Haura' Sofiya, Hana Humaira, Hayfa Hafiza dan yang terakhir Husna Hanisah yang baru lahir pada bulan Jun 2023 yang lalu. Kejayaan ini milik kita bersama.

Untuk yang terakhirnya, penulis ingin merakam ucapan terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan, seperti Dr. Norajila Che Man, Siti Zakiah Bahron, Dr. Noor Syahida Md Soh, Dr. Siti Raudah Abd Karim dan lain-lain yang banyak membantu dari sudut teknikal dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan dan kenalan penulis seperti encik Sadiq Ozata, encik Firdaus Sahiddin, encik Ali Aydogan dan lain-lain kerana banyak membantu penulis dalam menemukan sumber-sumber dan bahan-bahan yang bertepatan dengan kajian penulis. Semoga segala pengorbanan yang kalian berikan akan diberkati oleh Allah SWT.

Untuk mereka semua, penulis mendoakan agar Allah SWT memberikan kebaikan yang berterusan di dunia sehingga ke akhirat sana, *InsyāAllah*. Sekian, wassalam.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xix
JADUAL TRANSLITERASI	xxi

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Gerakan Dakwah Melalui Komunikasi Efektif	4
1.2.2 Komunikasi Dakwah Secara Persuasif	7
1.2.3 Fenomena Komunikasi Pendakwah di Malaysia	7
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop dan Batasan Kajian	12
1.7 Definisi Tajuk	13
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Kerangka Teoritikal Kajian	18
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.11 Sorotan Perpustakaan	21
1.12 Sistematika Penulisan	28
1.13 Penutup	30

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejarah komunikasi manusia telah bermula sejak Allah SWT menciptakan manusia yang pertama, iaitu Nabi Adam AS. Dialog Nabi Adam AS dengan *al-khaliq* (melalui perantaraan Malaikat Jibril AS) yang terakam di dalam al-Quran adalah satu bentuk komunikasi awal manusia dengan penciptanya mendahului komunikasi manusia sesama manusia (Faridah, 2015).

Menurut Hashim (2001), komunikasi dianggap suatu yang penting dalam agama Islam kerana ia bersifat '*missionary*'. Islam tidak akan tersebar ke seluruh generasi manusia bermula Nabi Adam AS sehingga manusia yang terakhir sebelum kiamat tanpa elemen komunikasi atau interaksi. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid Nabi menjadi pusat berlangsungnya proses komunikasi. Individu Muslim bukan sahaja berhimpun untuk menunaikan solat, malah menerima dan menyebarkan berita merupakan antara aktiviti utama yang berlangsung.

Manusia secara tabiatnya berkomunikasi dalam pelbagai situasi iaitu dalam komunikasi antara manusia (*interpersonal*), kumpulan kecil, di hadapan khalayak ramai, komunikasi dalam organisasi atau massa. Pada masa ini, istilah komunikasi mempunyai pelbagai pengertian. Pakar-pakar komunikasi bersetuju bahawa komunikasi ialah proses bagaimana seseorang itu berkongsi pengalaman dengan manusia yang lain. Ini bermaksud, komunikasi ialah proses seseorang mencipta makna melalui interaksinya dengan individu-individu lain (Abdullah, 2001).

Selain Islam, Barat turut mengangkat peranan dan kepentingan komunikasi. Para ilmuan Barat mula membina teori-teori dan hukum komunikasi. Model-model komunikasi seperti model Harold Laswell (1948), model Newcomb (1953), model Wilbur Shramm dan Charles Osgood (1954), model SCMR Berlo (1960), model McCroskey (1972), model Auckley dan lain-lain diiktiraf sebagai ilmu komunikasi manusia yang awal (F. Y. Hashim, 2001). Namun komunikasi menurut takrif Barat ini hanya menekankan aspek komunikasi sesama manusia (horizontal) dan mengabaikan komunikasi secara vertikal antara manusia dengan Tuhan, menyebabkan nilai-nilai agama, kebudayaan dan kebaikan masyarakat terhakis (Zulkiple, 2001).